

CNS6524

U ZB 21-11 00127 PAR07

## SUDAH TENTUKITARAKYAT MALAYSIA

Analisis Berita

Oleh TAI SING ONN

(**Embargo:** Untuk siaran Isnin, 25 Nov)

(i)

Sesetengah mereka kelihatan terpinga-pinga...!

+Mengapa agaknya Perdana Menteri anda (Datuk Seri) Dr. Mahathir (Mohamad) begitu marah dengan negara-negara Barat? +tanya mereka kepada penulis semasa majlis jamuan diplomatik yang seolah-olah tidak berkesudahan itu.

Kemudian, dengan penuh diplomasi pula mereka menoleh kepada penulis sambil menyatakan: +Saya dapat anda menyebut dalam rencana anda yang negara-negara maju (Utara) patut menunjukkan sikap yang lebih bersimpati terhadap negara-negara membangun (Selatan). +

Memang benar, tetapi mengapa begitu?

Bagi jawapan yang mudah, adalah mencukupi jika dikatakan bahawa cacing tanah pun bosan jika terpaksa melalui haluan dan liku-liku yang sama. -- lagi

▼22/11/09-04MST

CNS6525

U ZB 21-11 00129 PA808

## RAKYAT MALAYSIA 2 ANALISIS BERITA

Saya rasa kita sudah sampai ke peringkat itu, semua rakyat Malaysia, daripada pemimpin paling atas, iaitu Perdana Menteri hinggalah ke tahap budak jaga kereta.

Sembilan dekad abad ke-20 telah berlalu. Kita sudah pun sampai ke dekad yang terakhir.

Wawasan 2020 yang digambarkan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir dan pemimpin-pemimpin lain menjanjikan kepada kita (hanya dalam tempoh tiga dekad lagi), akan muncul sebuah negara Malaysia yang makmur - sebuah negara perindustrian yang berkembang maju dengan cara hidup yang sihat dan penyayang serta satu rumpun bangsa baru bergelar Bangsa Malaysia, dalam erti kata yang sebenarnya.

Dan dalam pada itu, adas esetengah negara maju (Utara) berusaha sedaya upaya untuk menghalang usaha kita mencapai impian tersebut. -- lagi

▼22/11/09-04MST

U ZB 21-11 00118 PA 809

## RAYYAT MALAYSIA 3 ANALISIS BERITA

Ada sesetengah negara Utara yang mahu memerangkap kita dalam sistem imperialisme yang baru, yang mahukan kita mencontohi cara hidup dan bentuk kerajaan mereka.

Hakikatnya, mereka mahukan kita kekal sebagai pencari kayu dan penimba air dari telaga.

Itu belum memadai bagi kita yang mempunyai Wawasan 2020.

Rakyat Malaysia juga mahukan tempat di langit.

Dengan Orde Baru Dunia Abad Ke-21 hanya di ambang pintu, kita berharap dapat menyaksikan satu masyarakat. 16'1 negara yang diberilayanansama rata.

Saya ulangi, SAMA RATA, bukan, ada yang diberi layanan lebih istimewa. daripada yang lain atau, sesebuah negara diberi keutamaan dari pada negara-negara lain. -- lagi

▼22/11/09-04MST

U ZB 21-11 00108 PA810

#### RAKYAT MALAYSIA 4 ANALISIS BERITA

Itulah sebabnya mengapa sesetengah negara Utara mesti mengubah si kap, jika tidak, Abad ke-21 akan dihantui oleh derita dan sengsara yang dirasakan pada abad sekarang .

Amerika Syarikat hendaklah menjadikan teladan bahawa campurtangannya di Amerika Jati II, Asia dan tempat-tempat lain tidak menghasilkan dunia yang lebih baik atau lebih aman. Negara itu tidak berjaya menjadikan dunia selamat untuk demokrasi.

Kebimbangan mereka terhadap komunisme menerima pukulan yang kuat sehingga tidak mungkin dapat dipulihkan.

Garis kelabu lagi halus antara kapi talisme dengan komunisme menjadi semakin kabur.

Gorbachev dan Bush kini kelihatan seperti saudara rapat. -- lagi

▼22/11/09-04MST

U ZB 21-11 00085 PA811

#### RAKYAT MALAYSIA 5 ANALISIS BERITA

Negara-negara Utara hendaklah berhenti melaung-laungkan hak asasi manusia, alam sekitar, pencemaran dan Jain-lain. Dan yang menggelar diri mereka pencinta alam pula hendaklah berhenti mengganggu negara-negara membangun (Selatan), merantai diri mereka ketiang atau hot, penarik balak. Mereka datang dari negara-negara yang juga mempunyai latar belakang yang tidak kurang buruknya. Ma3 aban, kehanyakan malapetaka yang menimpa negara-negara membangun di +import+ atau di +pelajari+ dari Utara - AIDS, pencemaran, penagihan dadah dan Jain-3 lain. -- lagi

▼22/11/09-06MST

U ZB 21-11 00123 PA812

#### RAKYAT MALAYSIA 6 ANALISIS BERITA

Oleh yang demikian, hentikanlah +berkhutbah+ dan cuba menunjukkan diri lebih putih dari putih sedangkan tangan sendiri berselaput kotoran.

Bukankah kita semua mempunyai masalah?

Rakyat Ma3 aysia bukannya tidak memandang berat masalah yang diwarisi apabila kita cuba mengamalkan keseluruhan cara hidup Barat.

Kita mula membangkitkan soalan tentang jenis masyarakat yang diinginkan pada 2020. Kita juga sedang cuba mencari tahap kemajuan material yang patut dicapai tanpa mengorbankan nilai-nilai abadi seperti ketaatan kepada ibubapa, hormat kepada orang yang lebih tua, aman dan harmoni dalam masyarakat kita, nilai moral yang kukuh, sifat kerohanian berasaskan ketubuhan dan nilai-nilai sejati lain yang kini hampir dflupakan di dunia yang mengejar kebendaan ini. -- lagi

▼22/11/09-05MST

## RAKYAT MALAYSIA 7 ANALISIS BERITA

Tidak!! Xi tati dak menentang negara-negara Barat, tetapi hanya menentang tipu muslihat, sikap dan segala kepura-puraan. Sedikit saja rakyat Malaysia yang tidak biasa dengan Magna Carta atau perjuangan Paul Revere untuk kebebasan.

Hanya segel intir, bagaimanapun, termasuk penulis, memhaca tentang penelitian St. Jean de Crevecoeur, seorang warga Perancis, mengenai penampilan makhluk baru di muka bumi - seorang manusia Amerika, lebih dua abad yang lalu. De Crevecoeur berkata dalam satu daripada 12 pucuk suratnya daripada seorang petani Amerika.

+Apakah yang sebenarnya warga Amerika...(orang barn itu)?

Beliau ialah... kacukan yang luar biasa, yang tidak dapat ditemui di manna-mans negara lain.+

+Beliau adalah rakyat Amerika, yang, setelah meninggalkan semua prasangka dan peradaban lapuknya, menerima yang baru daripada cara hidup yang baru ditemui, kerajaan baru yang ditaati dan pangkat haru yang di sandang... -- lagi

▼22/11/09-05MST

## RAKYAT MALAYSIA 8 ANALISIS BERITA

+Di sini, individu dari semua kaum bergahung menjadi satu rumpun bangsa, yang mana, titik peluh dan sikap mereka satu hari nanti akan membawa perubahan besar di dunia.+

+Warga Amerika adalah jemaah Barat yang membawa bersama mereka kesenian, sains, tenaga dan industri yang bermula sejak lama dahulu di Timur, mereka akan menamatkan bulatan yang besar itu.+

Tidak perlu memohon maaf kerana mencoretkan ungkapan yang panjang lebar itu kerana jemaah Barat tersebut nampaknya sudah menyeleweng.

+Bulatan Besar+ itu telah menjadi bulatan sepenuhnya dengan kebangkitan negara-negara Timur dan kemerahan yang semakin terasa di kalangan negara-negara persisiran Pasifik.

Amerika Syarikat lupa akan tanggungjawabnya di tanah air sendiri, sebaliknya sibuk melakukan kerja-kerja +dakwah+ untuk cuba menjadikan dunia selamat bagi bentuk demokrasinya yang tidak menunjukkan prestasi yang baik di dunia.-- lagi

▼22/11/09-05MST

## RAKYAT MALAYSIA 9 ANALISIS BERITA

Amerika Syarikat hendaklah mengikis cita-citanya yang bongkak untuk cuba membentuk dunia mengikut imejnya sendiri. Negara-negara lain mempunyai hak sendiri, keutamaan yang mungkin tidak serupa dengan yang dipentingkan di Amerika.

Rakyat Malaysia hendaklah berhati-hati akan tipu helah di sekeliling mereka.

Ambil filem Amerika sebagai satu contoh. Pembuat filem Amerika mendapat sukar menceritakan kisah yang sebenar. Filem-filem peperangan yang anda lihat di kaca TV membuat anda percaya seolah-olah askar Amerika menang dalam Perang Vietnam dan +saver krauts+ (askar Jerman) merupakan askar yang lemah dan tolok.-- lagi

▼22/11/09-06MST

CNS6532

U ZB 21-11 00128 PA816

## RAKYAT MALAYSIA 10 ANALISIS BERITA

Sikap buruk negara-negara Utara boleh berterusan. Tetapi kini sudah sampai hadnya.

Sepatutnya negara-negara tersebut sudah jelas sekarang bahawa negara-negara membangun (Selatan), termasuk Malaysia, ingin melihat sebuah dunia **yang** bersatu dan penyayang pada Abad ke-21 di mana kita semua akan menjadikannya bersama mencapai kemajuan.

Sama ada impian ini hanya sekadar idealisme dalam dunia yang hampir menguburkannya, kita sama-sama saksikan sendiri.

Bagai manapun, ketahuilah semua!! Kami bersyukur menjadi rakyat Malaysia dan berbangga dengan Perdana Menteri kita, Datuk Seri Dr. Mahathir kerana bersikap terusterang dengan negara-negara Utara. Beliau tidak bersendirian.

Rakyat Malaysia berbangga dengannya dan berkongsi apa yang dirasainya.

Negara-negara Utara hendaklah insaf dan kembali ke pangkuan hidup manusia. - Bernama.

♥22/11/09-06MST